

TARIKH : 27 DISEMBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 28

### Inflasi kekal 4 peratus pada November

## Inflasi kekal 4 peratus pada November

**KUALA LUMPUR** -Inflasi Malaysia kekal di paras 4 peratus pada November 2022 yang menyamai bulan sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia.

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi November 2022 mencatat 129 berbanding 124 pada tempoh sama setahun lepas.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, inflasi kumpulan makanan meningkat 7.3 peratus dan kekal sebagai penyumbang utama kenaikan inflasi bulan ini manakala restoran dan hotel meningkat 7 peratus daripada 6.8 peratus pada Oktober 2022.

“Peningkatan lebih perlahan direkodkan bagi kumpulan pengangkutan (5 peratus) dan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (3.8 peratus),” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Kumpulan utama lain yang turut mencatat peningkatan adalah perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (3.6 peratus), pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.6 peratus), pendidikan (1.5 peratus) dan kesihatan (0.3 peratus).

Empat negeri mencatat inflasi melebihi paras nasional 4 peratus iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya (7.9 peratus), Selangor (4.8 peratus), Sarawak (4.7 peratus) dan Johor (4.2 peratus). - *Bernama*